

(menyatakan hajatku), baginda pun bertanya: “Selimut (jenis) apa yang aku lihat ini?” Aku berkata: “Ia adalah sehelai kain” - maksud beliau (Jaabir) ialah (ia adalah sehelai kain) yang kecil (pendek) - Nabi s.a.w. bersabda: “Kalau kain itu besar, berselimutlah dengannya tetapi gunakanlah sebagai kain pakai (sarung yang dikilas atau diikat dibahagian pinggang), kalau kain itu kecil (pendek).”³⁹²

٣٤٩ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو حَازِمٍ عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ كَانَ رِجَالٌ يُصَلُّونَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَاقِدِي أَرْزِهِمْ عَلَى أَعْنَاقِهِمْ كَهَيْئَةِ الصَّبِيَّانِ وَيُقَالُ لِلنِّسَاءِ لَا تَرْفَعْنَ رُءُوسَكُمْ حَتَّى يَسْتَوِيَ الرَّجَالُ جُلُوسًا

349- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Sufyan, katanya: Abu Haazim meriwayatkan kepadaku daripada Sahl bin Sa'ad, katanya: “Ada beberapa orang lelaki bersembahyang bersama Nabi s.a.w. dengan mengikat kain-kain mereka di tengkuk seperti yang dibuat oleh kanak-kanak. Kepada orang-orang perempuan dikatakan:³⁹³ “Janganlah kamu mengangkat kepala (daripada sujud) sehingga orang-orang lelaki benar-benar telah duduk.”³⁹⁴

٧: بَابُ الصَّلَاةِ فِي الْجَبَةِ الشَّامِيَّةِ وَقَالَ الْحَسَنُ فِي الثَّيَابِ يَنْسُجُهَا الْمَجُوسِيُّ لَمْ يَرَهَا بَاسًا وَقَالَ مُعَمَّرٌ رَأَيْتُ الزُّهْرِيَّ يَلْبَسُ مِنْ ثِيَابِ الْيَمَنِ مَا صَبَغَ بِالْبَوْلِ وَصَلَّى عَلَيَّ ابْنُ أَبِي طَالِبٍ فِي تَوْبٍ غَيْرِ مَقْصُورٍ

³⁹² Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Orang-orang Islam sejak dahulu hingga sekarang begitu mengambil berat tentang sembahyang, kerana itulah mereka bertanya, boleh atau tidak bersembahyang dengan memakai sehelai kain sahaja. (2) Nabi s.a.w. dan para sahabatnya berjihad di sepanjang hayat mereka. (3) Para sahabat berasa sangat bertuah jika dapat bersama Nabi s.a.w. beribadat terutamanya sembahyang. Kerana itu mereka akan terus mengikuti baginda apabila berpeluang. (4) Para sahabat tetap berjuang bersama Rasulullah s.a.w. meskipun mereka berada dalam keadaan serba kekurangan. (5) Boleh mengadukan sesuatu kepada pemimpin atau membawa apa-apa mesej kepadanya walaupun pada waktu malam. (6) Seseorang yang berpakaian ganjil harus ditegur. (7) Apabila ditanya tentang sesuatu perbuatan pelik yang kita lakukan, kita harus menjelaskan sebab-sebabnya. (8) Orang `alim atau pemimpin harus sentiasa membimbing anak buahnya.

³⁹³ Siapakah yang berkata begitu kepada orang-orang perempuan? Berdasarkan riwayat Abi Daud dan Baihaqi orang yang berkata begitu ialah Nabi s.a.w. sendiri.

³⁹⁴ Hadits ini menggambarkan beberapa perkara, antaranya ialah: (1) Orang-orang Islam yang setia kepada Rasulullah s.a.w. pernah mengalami zaman kesukaran di mana mereka hanya mempunyai sehelai kain sahaja untuk dipakai. Itupun bukanlah sempurna, hanya sekadar menutup `aurat sahaja. (2) Orang-orang lelaki dan perempuan turut berjema'ah bersama Rasulullah s.a.w. di masjid atau di tempat-tempat lain. (3) Kerana takut akan terpancang `aurat orang-orang lelaki yang bersembahyang di bahagian hadapan, orang-orang perempuan diingatkan agar tidak mengangkat kepala mereka daripada sujud sehingga orang-orang lelaki benar-benar telah duduk.

7- Bab: Bersembahyang Dengan Memakai Jubah Syam (Syria). Hasan Berpendapat: "Tidak Mengapa Memakai Kain Yang Ditenun Oleh Orang-Orang Majusi.³⁹⁵ Ma`mar Menceritakan: "Saya Pernah Melihat Az-Zuhri Memakai Kain Yaman Yang Dichelup Dengan Air Kencing.<sup>396</sup> `Ali Bin Abi Thalib Bersembahyang Dengan Memakai Kain Yang Belum Dibasuh".^{397, 398}

٣٥٠ - حَدَّثَنَا يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ مُسْلِمٍ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ مُغِيرَةَ بْنِ شُعْبَةَ قَالَ كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَقَالَ يَا مُغِيرَةُ خُذِ الْأَدَاوَةَ فَأَحْدِثْهَا فَأَنْطَلِقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى تَوَارَى عَنِّي فَقَضَى حَاجَتَهُ وَعَلَيْهِ جُبَّةٌ شَامِيَّةٌ فَذَهَبَ لِيُخْرِجَ يَدَهُ مِنْ كُمِّهَا فَضَاقَتْ فَأَخْرَجَ يَدَهُ مِنْ أَسْفَلِهَا فَصَبَّتُ عَلَيْهِ فِتْوَضًا وَضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ وَمَسَحَ عَلَى خُفَيْهِ ثُمَّ صَلَّى

350- Yahya meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Muawiyah meriwayatkan kepada kami daripada al-A`masy daripada Muslim daripada Masruq daripada Mughirah bin Syu`bah, katanya: Pernah aku bersama Nabi s.a.w. dalam satu perjalanan.³⁹⁹ Baginda s.a.w. berkata: "Wahai Mughirah! Ambil bekas air itu. Aku pun mengambilnya. Lantas Rasulullah s.a.w. pergi untuk membuang air hingga beliau terlindung dari penglihatanku. Beliau s.a.w. pd ketika itu memakai jubah Syam.⁴⁰⁰ (Pada mulanya) Nabi s.a.w. mahu menyingsing saja lengan bajunya, tetapi

³⁹⁵ Atsar Hasan ini diwashalkan oleh Abu Nu`aim, Waki` dan Sa`id bin Manshur.

³⁹⁶ Atsar Zuhri ini diwashalkan oleh `Abdur Razzaq di dalam Mushannafnya. Ada `ulama` mengatakan kain yang dipakai Zuhri itu telah dibasuh terlebih dahulu untuk dihilangkan air kencing sebelum beliau menggunakannya. Ada juga `ulama` mengatakan, air kencing yang digunakan sebagai salah satu bahan pencelup itu ialah air kencing binatang yang halal dimakan dagingnya. Sebahagian `ulama` seperti Imam Malik, Imam Bukhari r.a., Zuhri dan lain-lain berpendapat air kencing binatang yang halal dimakan tidak najis. Nukilan ini juga bermaksud menyatakan bahan najis yang diguna dalam proses pembuatan sesuatu pakaian tidak menghalang daripada pakaian itu diguna pakai jika di akhir prosesnya atau kemudiannya najis itu dihilangkan.

³⁹⁷ Atsar `Ali ini diwashalkan oleh Ibnu Sa`ad di dalam Thabaqaatnya dan `Abdullah bin Ahmad di dalam Kitab `Ilalnya. Maksud Bukhari menukilkan atsar `Ali ini ialah untuk menjelaskan bahawa `Ali tidak mengusul periksa terlebih dahulu kain yang belum dibasuh itu adakah ia diperbuat daripada bahan najis atau tidak. Apa yang penting baginya ialah kain itu kelihatan bersih. Beliau juga tidak bertanya terlebih dahulu sama ada ia dibuat oleh orang Islam atau orang kafir, di negeri Islam atau di negeri kafir.

³⁹⁸ Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk beberapa tujuan. **Pertama:** Menyatakan keharusan memakai pakaian yang dibuat oleh orang-orang kafir, asalkan ia suci. **Kedua:** Menyatakan bahawa kain yang datang dari negeri kafir boleh dipakai walaupun semasa bersembahyang selagi tidak dipastikan kenajisannya. **Ketiga:** Menyatakan kain yang dibuat oleh orang-orang kafir atau dibuat di negeri kafir boleh dipakai terus walaupun sebelum dibasuh, selagi tidak kelihatan najis padanya atau tidak diberitahu oleh saksi yang boleh dipercayai bahawa kain itu dibuat menggunakan bahan najis. **Keempat:** Menyatakan kedudukan kain yang dibuat oleh orang kafir sama sejenis bagi orang Islam. Tidak ada beza di antara kain yang dibuat oleh orang Majusi, Kristian, Yahudi, Hindu, Budha dan lain-lain. Kain yang dibuat mereka boleh dipakai oleh orang Islam asalkan ia bersih. **Kelima:** Menyatakan kain yang dibuat sama ada oleh orang Islam atau orang kafir dengan menggunakan bahan-bahan najis akan menjadi bersih setelah dibasuh. **Keenam:** Menyatakan kain atau pakaian mengikut fesyen dan potongan yang lumrah di kalangan orang kafir tertentu seperti kot, pantelon dan sebagainya boleh dipakai untuk bersembahyang asalkan ia menutup `aurat.

³⁹⁹ Perjalanan pergi atau pulang dari perang Tabuk yang telah berlaku pada tahun ke sembilan Hijriah.

⁴⁰⁰ Di sinilah terletak poin Bukhari. Nabi s.a.w. memakai jubah Syam dalam peristiwa itu. Sedia dima`lumi bahawa Syam pada ketika itu belum dikuasai orang-orang Islam dan pakaian yang dibuat di sana juga tidak dibuat oleh

ternyata lengan bajunya itu terlalu sempit. Maka beliau mengeluarkan tangan dari sebelah dalam. Selepas itu aku menuangkan air untuknya. Baginda s.a.w telah berwudhu' seperti wudhu'nya untuk sembahyang, Cuma beliau s.a.w. menyapu kedua khufnya kemudian bersembahyang.⁴⁰¹

٨: بَابُ كَرَاهِيَةِ التَّعَرِّي فِي الصَّلَاةِ وَغَيْرِهَا

8- Bab: Larangan Bertelanjang Ketika Bersembahyang Dan Selainnya.⁴⁰²

٣٥١ - حَدَّثَنَا مَطَرُ بْنُ الْفَضْلِ قَالَ حَدَّثَنَا رَوْحٌ قَالَ حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا بْنُ إِسْحَاقَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ قَالَ سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يُحَدِّثُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْقُلُ مَعَهُمُ الْحِجَارَةَ لِلْكَعْبَةِ وَعَلَيْهِ إِزَارُهُ فَقَالَ لَهُ الْعَبَّاسُ عَمُّهُ يَا ابْنَ أَخِي لَوْ حَلَلْتَ إِزَارَكَ فَجَعَلْتَ عَلَى مَنْكَبِيكَ دُونَ الْحِجَارَةِ قَالَ فَحَلَّهُ فَجَعَلَهُ عَلَى مَنْكَبِيهِ فَسَقَطَ مَعْشِيًا عَلَيْهِ فَمَا رُبِّي بَعْدَ ذَلِكَ غُرْبَانًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

orang-orang Islam. Boleh dikatakan kesemua pakaian yang dibuat di sana atau yang datang dari sana adalah buatan orang-orang kafir. Entah apa yang diguna mereka semasa proses pembuatan kain dan pakaian itu. Walaupun begitu Rasulullah s.a.w. memakainya tanpa mengusul periksa terlebih dahulu. Tindakan Rasulullah s.a.w. itu jelas menunjukkan pakaian yang dibuat oleh orang-orang kafir atau datang dari negeri kafir boleh dipakai oleh orang Islam termasuk untuk bersembahyang. Ini kerana selepas Rasulullah s.a.w. berwudhu', beliau bersembahyang. Di sana tidak ada dalil yang menyatakan Nabi s.a.w. tidak memakai jubah itu untuk bersembahyang. Yang jelasnya ialah Beliau s.a.w. memakainya terus semasa bersembahyang.

⁴⁰¹ Para 'ulama' berbeza pendapat berhubung dengan masalah memakai pakaian yang telah dipakai oleh orang kafir untuk bershalat sebelum membasuhnya. Imam Bukhari, Hasan Bashri, ats-Tsauri, Abu Hanifah dan satu riwayat daripada Imam Ahmad mengharuskannya selagi tidak dikesan adanya najis pada pakaian itu. Syafi'e dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya menganggap makruh, tidak haram. Syafi'e, Abu Hanifah dan tokoh-tokoh dalam mazhabnya mengatakan lebih berat lagi makruhnya memakai pakaian mereka yang mengenai bahagian 'aurat. Malik, Ishaq, dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya mengatakan tidak boleh memakai pakaian yang telah dipakai oleh orang kafir untuk bershalat sebelum dibasuh. Malik berpendapat orang yang bersembahyang dengan memakainya mesti mengulangi sembahyangnya selagi ada waktu sembahyang itu. Alasannya ialah pakaian mereka tidak terpelihara daripada terkena air kencing atau najis-najis yang lain kerana mereka tidak mengambil berat tentangnya.

Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Keharusan memakai pakaian yang dibuat oleh orang-orang kafir atau yang datang dari negeri kafir, termasuk untuk bersembahyang. (2) Keharusan memakai baju yang ketat lengannya. (3) Keharusan memakai pakaian mengikut fesyen dan stail orang kafir sama ada ketika sembahyang atau di luar sembahyang jika ia tidak mendedahkan 'aurat. (4) Memakai pakaian yang sesuai untuk perjalanan. (5) Berkhidmat kepada guru, pemimpin dan orang yang lebih tua. (6) Elok pergi ke tempat yang jauh dari penglihatan orang ramai atau ke tempat yang tersembunyi untuk membuang air. (7) Keharusan menyapu khuf dalam berwudhu' sewaktu dalam perjalanan.

⁴⁰² Menerusi bab ini Bukhari mahu menguatkan lagi hujahnya tentang kewajipan menutup 'aurat semasa bersembahyang. Alasannya ialah mendedahkan 'aurat bukan sahaja dilarang Syara' ketika bersembahyang, bahkan dilarang juga di luar sembahyang. Hadits yang dikemukakan di bawah bab ini adalah sebaik-baik bukti untuknya. Bukankah Rasulullah s.a.w. telah jatuh pengsan setelah beliau membuka kain di hadapan pak ciknya 'Abbaas a.s.? Apa yang berlaku itu bukan ketika bersembahyang. Ertinya ialah Allah tidak berkenan atau membenarkan kita membuka 'aurat di hadapan orang lain walaupun ketika tidak bersembahyang. Semasa bersembahyang tentulah lebih-lebih lagi tidak dibenarkan.

351- Mathar bin al-Fadhl meriwayatkan kepada kami, katanya: Rauh meriwayatkan kepada kami, katanya: Zakariyya bin Ishaq meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar bin Dinar meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku mendengar Jaabir bin `Abdillah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. memungguh batu bersama mereka (orang-orang kafir Quraisy) untuk (pembinaan semula) Ka`bah.<sup>403</sup> Ketika itu beliau s.a.w. memakai kain. Maka `Abbaas berkata kepadanya: “Wahai anak saudaraku! Alangkah baiknya kalau engkau buka kainmu dan meletakkannya di atas kedua belah bahu sebagai pelapik kepada batu-batu (yang engkau pikul) itu.”⁴⁰⁴ Perawi berkata: “Nabi s.a.w. pun membuka kainnya. Beliau s.a.w. sudah hendak (hampir) meletakkannya di atas kedua belah bahu, tiba-tiba beliau terus jatuh pengsan. Selepas (peristiwa) itu baginda tidak lagi dilihat bertelanjang (terdedah `auratnya).”⁴⁰⁵

٩: باب الصلاة في القميص والسراويل والتبائن والقباء

⁴⁰³ Hadits ini termasuk dalam maraasiil sahabat kerana Jaabir tidak menyaksikan peristiwa itu. Bagimanapun maraasiil sahabat tetap merupakan hujah di sisi Ahli as-Sunnah wa al-Jama`ah. Beliau mungkin telah mendengar sendiri kisah ini daripada Nabi s.a.w. Kalau begitulah hakikatnya, maka hadits ini tidak dikira mursal lagi. Hafiz Ibnu Hajar, al-`Aini dan Ibnu Rajab mengatakan mungkin sekali beliau mendengarnya daripada `Abbaas kerana Ibnu `Abbaas juga ada meriwayatkan kisah ini daripada ayahnya dengan lebih terperinci. Riwayat Ibnu `Abbaas itu dikemukakan oleh at-Thabarani di dalam Mu`jam Kabirnya dan al-Bazaar di dalam Musnadnya. Mengikut az-Zuhri Rasulullah s.a.w. pada ketika itu belum lagi baligh. Ibnu Batthaal dan Ibnu at-Tiin pula menegaskan umur Nabi s.a.w. pada ketika itu ialah lima belas tahun. Ada beberapa riwayat sebenarnya berhubung dengan umur Nabi s.a.w. ketika peristiwa itu berlaku. Dua puluh lima, tiga puluh dan tiga puluh lima. Demikianlah antara yang disebutkan oleh `ulama'. Pendapat mana sekalipun diterima, yang pasti ialah pada ketika itu Muhammad s.a.w. belum lagi menjadi rasul.

⁴⁰⁴ `Abbaas berkata begitu tidak kerana lain melainkan kerana bersimpati kepada anak saudaranya. Dengan meletakkan kain di atas bahu, akan selamatlah bahu daripada luka-luka atau melecur kerana batu-batu yang dipikul.

⁴⁰⁵ Ada beberapa perkara yang perlu diletakkan di hadapan untuk memahami hadits ini dengan baik. **Pertama:** Pendedahan `aurat bukanlah sesuatu yang meng`aibkan dan menjatuhkan maruah seseorang pada pandangan masyarakat jahiliah `Arab. **Kedua:** Nabi s.a.w. dalam peristiwa ini belum lagi menjadi rasul. **Ketiga:** Tidak disebut dengan jelas di dalam riwayat ini sama ada Beliau s.a.w. berbaju atau tidak. Mungkin juga beliau berbaju. Kalau begitu apa yang dimaksudkan di dalam hadits ini ialah sebahagian daripada `aurat Nabi s.a.w. sahaja yang terdedah kepada pak ciknya, iaitu `aurat mukhaffafah (العورة المخففة). Ia tidak bererti yang terdedah itu ialah `aurat mughallazah (العورة المغلظة). Apa yang tersebut di dalam hadits ini sebagai bertelanjang itu hanyalah tasharruf perawi semata-mata atau ia termasuk dalam bab mubalaghah dalam cerita. Tidak ada berlaku dalam kenyataan apa yang dapat disebut sebagai bertelanjang dalam erti katanya yang sebenar. **Keempat:** Sebenarnya Nabi s.a.w. belum lagi bertelanjang, beliau baru membuka kain dan belum lagi meletakkannya di atas bahu, lalu beliau terus jatuh pengsan. Dalam keadaan tidak sedar itu boleh jadi sedikit sebanyak kainnya telah terselak atau terbuka. Itu sajalah hakikatnya apa yang dikatakan bertelanjang itu. Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan perkara ketiga dan keempat ini, dengan mengambil kira taqdir pada perkataan فجعله على منكبيه. Taqdirnya ialah أن يجعله على منكبيه. **Kelima:** Allah memelihara Nabi s.a.w. daripada berlakunya sesuatu yang menjatuhkan maruah nabiNya sebelum dia dilantik menjadi nabi dan rasul lagi. **Keenam:** Allah memelihara para nabi daripada melakukan dosa besar dan dosa kecil sebelum dan selepas mereka dilantik menjadi nabi.